



Rujukan : UKM.AKA.100-1/3/5
Tarikh : 22 Mei 2023

PEKELILING AKADEMIK BIL. 16/2023

Dekan/Pengarah
Fakulti/Institut/Pusat
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/Prof. /Dato'/Datuk/Datin/Dr./Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN PERUBAHAN DASAR PENGIKTIRAFAN PENGAJIAN DI LUAR NEGARA OLEH NEGARA CHINA

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sehubungan ini dimaklumkan Chinese Service Center for Scholarly Exchange (CSCSE) telah mengemas kini prosedur pengiktirafan pengajian institusi luar negara (pasca pandemik) oleh negara China pada 28 Januari 2023 dalam laman sesawang berikut: <https://www.cscse.edu.cn>.

3. Merujuk kepada prosedur terkini, semua pelajar dari China yang akan atau masih mengikuti pengajian pada musim bunga 2023 (bulan Februari - Mac 2023) dikehendaki membuat pendaftaran pengajian dan mendaftar secara fizikal di institusi pengajian masing-masing. Kegagalan keberadaan pelajar China mengikuti pengajian secara fizikal di institusi pengajian akan menyebabkan kegagalan pengiktirafan pengijazahan oleh negara China walaupun pelajar telah memenuhi keperluan pengijazahan program pengajian di institusi pengajian tersebut.

4. Sekiranya ada pertanyaan lanjut berkaitan perkara ini YBhg. Prof. Ulung/Prof. /Dato'/Datuk/Datin/Dr./Tuan/Puan, boleh menghubungi Encik Ong Chang Ee (Penolong Pendaftar Kanan, Unit Pas Dan Visa, AKADEMIK UKM) di talian 0389214079 atau e-mel di alamat changee@ukm.edu.my.

Segala perhatian dan kerjasama YBhg. Prof Ulung / Datuk / Dato'/ Datin/Prof./Tuan/Puan dalam perkara ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Yang benar,

PROFESOR MADYA DR. IRMAN BIN ABDUL RAHMAN

Pengarah
Pusat Pengurusan Akademik (AKADEMIK UKM)

s.k. - Timbalan Naib Canselor, (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Kebangsaan Malaysia



PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8911 8450/8460/8461/8454 E-mel: akad@ukm.edu.my
Web: www.ukm.my/akademik